

Usahawan2 Cina

29 AUG 1979

jangan tuduh k'jaan tak adil — Dr. M

KUALA LUMPUR 28 Ogos. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan usahawan-usahawan Cina supaya jangan asyik menuduh kerajaan tidak adil dalam dasar-dasarnya jika mereka sendiri tidak berani ikut serta dalam kegiatan perindustrian negara.

"Janganlah berdiri di luar dan mengadu bahawa dasar-dasar kerajaan adalah menghalang pertumbuhan kegiatan perusahaan orang-orang Cina," ujarnya.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan, jika setelah turut serta dalam berbagai usaha perindustrian mereka mendapati bahawa dasar kerajaan yang menyebabkan mereka gagal, "maka barulah kamu mempunyai alasan untuk menuduh kerajaan."

Berucap di majlis makan malam ulangtahun ke-75 Dewan Perniagaan Cina Selangor di sini hari ini Dr. Mahathir memberi jaminan bahawa jika kegagalan mereka adalah kerana dasar kerajaan, pertimbangan yang sewajarnya akan diberikan.

Namun begitu, beliau menegaskan bahawa terdapat ramai ahli-ahli perniagaan Cina sedar akan hakikat bahawa kegiatan perindustrian adalah untuk semua dan telah muncul dan turut serta dalam rancangan-rancangan perindustrian secara aktif dan berjaya selaras dengan Dasar Ekonomi Baru.

Beliau menarik perhatian, kerajaan sedang menyediakan berbagai daya penarik serta kemudahan-kemudahan

guna menggalak penubuhan projek-projek perindustrian di negara ini.

"Sekarang terpujalah kepada masyarakat perniagaan Cina bersama rakyat Malaysia yang lain untuk tampil merebut peluang-peluang yang wujud bagi pelaburan dalam perindustrian," katanya.

Dr. Mahathir menegaskan, rancangan perindustrian yang sedang ditujui sekarang akan memainkan peranan bukan sahaja ke arah pembangunan negara keseluruhannya bahkan juga bagi mengatur semula ekonomi negara.

Atas kesedaran terhadap pentingnya sektor pengeluaranlah tegasnya, kerajaan mengadakan peraturan-peraturan bagi mengawal

perkembangan dalam sektor tersebut melalui Akta Penyelarasan Perindustrian (ICA).

Selain dari itu katanya, dialog-dialog, forum serta seminar-seminar pelaburan sering diadakan di dalam dan di luar negeri untuk faedah para usahawan serta pelabur.

Menurutnya, pada 4 September ini MIDA akan menganjurkan satu lagi Seminar Pelaburan Malaysia di sini yang ditaja oleh Bank Bumi-putra dan direka khas untuk menggalak ahli-ahli perniagaan tempatan melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan perusahaan.

Beliau berharap, para usahawan Cina akan menyertai seminar tersebut sambil menyambut seruan kerajaan ke arah penyertaan lebih cergas rakyat Malaysia dalam pembangunan perindustrian negara.